



## Bapa Suci pimpin upacara penyerahan Salib WYD

**TAKTHA SUCI:** “Pikullah Salib ke seluruh dunia sebagai simbol kasih Kristus kepada umat manusia, dan wartakan kepada semua orang bahawa hanya dalam kematian dan kebangkitan Kristus, kita dapat memperoleh keselamatan dan penebusan,” kata Sri Paus Fransiskus semasa memimpin Misa khas upacara penyerahan Salib Hari Belia Sedunia (WYD) dan ikon Santa Perawan Maria Santa Pelindung Roma (Mary Salus Populi Romani) kepada perwakilan belia Korea Selatan daripada belia Portugis, di Basilika Sto Petrus di Roma.

Upacara ini menandakan permulaan rasmi WYD 2027 di Seoul, Korea Selatan. Delegasi Korea seramai 60 orang, menerima Salib WYD dan ikon Bonda Maria, selepas Misa pada Hari Belia Sedunia ke-39, pada November 24.

Sri Paus Fransiskus telah mengumumkan ibu kota Korea Selatan, Seoul, sebagai tuan rumah acara belia Katolik global tiga tahun sekali pada penghujung WYD yang diadakan di ibu kota Portugal, Lisbon pada Ogos 1-6 Ogos, 2023.

Delegasi Korea diketuai oleh Uskup Agung Peter Chung Soon-taick dari Seoul dan Uskup Aukusilier Seoul, Paul Kyung Sang Lee.

Dalam homilinya, Bapa Suci Fransiskus menekankan bahawa simbol WYD adalah jemputan dan tanda bagi orang Kristian untuk menghidupkan Injil tanpa patah semangat

atau kehilangan harapan.

“Orang muda mesti mengambil keberanian daripada kesetiaan Yesus kepada Tuhan, walaupun di tengah-tengah ujian dan penghinaan,” katanya.

“Orang Kristian harus memupuk pengabdian dengan keimanan tebal tentang kerajaan kekal Kristus,” ujar Sri Paus Fransiskus.

**Hanya cinta Tuhan membawa sukacita**

Bapa Suci juga menegaskan bahawa Yesus tidak pernah berusaha untuk mendapatkan sokongan atau “persetujuan” pihak berkuasa, kerana Dia menolak “mentaliti kuasa.”

“Tuhan mengasihi setiap kita walau apa pun keadaan kita, jadi kita tidak perlu mencari persetujuan duniawi di media sosial atau dengan cara lain. Di hadapan-Nya, kesucian impian anda adalah lebih bernilai daripada kejayaan dan kemasyhuran, dan keikhlasan niat anda lebih bernilai daripada persetujuan duniawi,” katanya.

“Tidak ada kasih sayang duniawi yang dapat menggembirakan kita, kerana hanya pemberian kasih sayang yang percuma dapat membawa kita kebahagiaan,” tegas Bapa Suci.

**Nasihat daripada calon santo belia**

Bapa Suci kemudiannya menekankan kepentingan kebenaran, yang membebaskan kita daripada rantai kesesakan diri sendiri, ketidakadilan dan ketidakbahagiaan. “Kristus, yang merupakan Jalan, Kebenaran dan Kehidupan, dengan menanggalkan segala-galanya dan mati di kayu salib untuk keselamatan kita, mengajar kita bahawa hanya dalam kasih kita boleh hidup, bertumbuh dan berkembang dalam maruah penuh kita,” kata Sri Paus.

Bapa Suci mengingatkan para belia kepada Beato Pier

Giorgio Frassati, yang akan dikanonisasi semasa Jubli untuk Orang Muda pada awal Ogos 2025. Menurut Sri Paus, calon santo dari Itali itu mengingatkan golongan muda bahawa “hanya bertahan” bukanlah matlamat mereka sebaliknya orang Kristian perlu berusaha untuk “bersaksi tentang kebenaran dalam kasih sayang, mengasihi satu sama lain seperti Yesus mengasihi kita.”

**Salib WYD, simbol cinta dan penebusan Tuhan**

“Simbol WYD ini telah diamanahkan kepada kita oleh Bapa Suci Yohanes Paulus II untuk dibawa ke seluruh dunia,” kata Fransiskus dan menggesa anak-anak muda Korea untuk “tidak takut dan mempunyai keberanian.

“Kita memerlukan keberanian untuk memberi kesaksian tentang harapan yang diperlukan hari ini lebih daripada sebelumnya dan saya berharap bahawa di mana sahaja simbol ini berada, kasih dan persaudaraan Tuhan akan berkembang,” kata Sri Paus Fransiskus.

Semasa doa Angelus selepas Misa, Sri Paus Fransiskus turut menjemput dua orang pemuda Korea ke pejabatnya dan meminta umat yang berkumpul di Dataran Sto Petrus untuk bertepuk tangan kepada anak muda dari Korea dan Portugal.

“Memikul salib dengan belia dari pelbagai keuskupan membuatkan saya teruja bahawa belia Korea bergabung tenaga untuk memikul Salib WYD dan berjalan dalam iman bersama-sama,” kata Agatha Kim Ha-yan, seorang belia Katolik Korea dari Keuskupan Jeju.

Mantan Uskup Agung Seoul, Kardinal Andrew Yeom Soo-jung berkata, “Saya berharap semangat hari ini akan berterusan sehingga 2027 dan seterusnya serta dapat disampaikan kepada golongan muda di seluruh dunia untuk membuah hasil cinta.” *Media Vatikan/RVA*

# Beraniakah anda terima kesakitan di kayu salib?

Daniel Berrigan pernah berkata: *Sebelum anda serius mengikuti Yesus, fikirkan dengan teliti bagaimana anda kelihatan di atas kayu!*

Itu adalah peringatan yang diperlukan kerana Yesus memberi amaran kepada kita bahawa jika kita mahu mengikuti-Nya, kita akan mengalami 'kesakitan' dan akan menyertai-Nya di kayu salib.

Apa sebenarnya maksud ini? Adakah kesakitan harus dikenakan terhadap seorang murid sebagai sejenis ujian? Adakah Yesus memerlukan pengikut-Nya untuk merasakan kesakitan yang dialami-Nya? Adakah Tuhan mahu pengikut Yesus mengalami kesakitan untuk membayar harga dosa? Mengapa menerima untuk memikul salib bersama Yesus membawa 'kesakitan' ke dalam hidup kita?

Menarik untuk kita perhatikan bahawa ahli mistik yang hebat Yohanes dari Salib menggunakan aliran 'kesakitan' dalam kerasulannya dan sebagai pengukur sama ada kita benar-benar mahu mengikuti Yesus atau tidak.

Bagi Yohanes, anda tahu anda pengikut Yesus apabila kesakitan mula mengalir ke dalam hidup anda. Mengapa? Adakah Tuhan meletakkan kesakitan istimewa kepada mereka yang serius mengikuti-Nya?

Tidak. Tuhan tidak memberikan kesakitan istimewa kepada mereka yang mengikuti Yesus secara serius.

Kesakitan yang mengalir ke dalam hidup kita, jika kita serius mengikuti Kristus, tidak datang daripada Tuhan sebaliknya ia mengalir ke dalam diri kita kerana kita lebih terbuka, tidak menyekat, peka dan kefahaman mendalam.

Proses kesakitan itu berfungsi seperti ini: Dengan membuka diri kita secara total kepada Kristus, kita akan berhenti untuk terlalu melindungi diri, menjadi lebih pasrah, menerima, lebih sensitif. Semua kaedah ini menyebabkan kasih dan kesakitan Yesus dapat mengalir lancar dalam diri kita, dengan bebas dan lebih mendalam.



**Apakah Yesus mahu mengenakan 'kesakitan' terhadap seorang murid sebagai sejenis ujian? Bacalah artikel tulisan Fr Ron Rolheiser ini sampai habis.**

Dan sebahagian kesakitan yang mengalir ke dalam diri kita adalah kesakitan yang terdiri daripada kesakitan orang lain, kesakitan ibu pertiwi, kesakitan ketidakcukupan kita sendiri dan kekurangan altruisme, dan kesakitan yang disebabkan oleh kesan dosa.

Kesakitan ini kini akan memasuki kita dengan lebih mendalam dan ia sangat terasa kerana sebelum ini kita melindungi diri kita daripada menerima kesakitan.

Berita baiknya, kesakitan ini tidak ada kesan buruk. Malah kesakitan yang mengalir lebih bebas dan mendalam ini membawa makna baharu serta kebahagiaan.

Sebaik sahaja kita berhenti melindungi diri kita, kesakitan dan kebahagiaan kini boleh mengalir dengan lebih bebas dan lebih dalam ke dalam hati kita dan kita boleh mula menghembuskan nafas lega dari bahagian diri kita yang lebih dalam.

Freud pernah mengulas bahawa kadangkala perkara boleh difahami dengan meneliti apa yang bertentangan.

Misalnya, seseorang yang terbuka ke-

pada kesakitan salib, adalah orang yang tabah, seperti tidak ada perasaan (dalam slanga, seseorang "bermuka tebal seperti papan tebal!").

Orang seperti itu kelihatannya tidak akan merasakan banyak kesakitan dan seperti tidak merasakan apa-apa. Ini merupakan beberapa sebabnya:

Pertama, Tuhan tidak meletakkan kesakitan kepada kita apabila kita menjadi pengikut-Nya sebaliknya membenamkan diri kita dengan lebih mendalam dalam misteri Kristus dan salib.

Kesakitan yang berlaku adalah intrinsik kepada salib dan dirasai semata-mata kerana kita berhenti melindungi diri kita dan membiarkan kehidupan, menerima semuanya untuk mengalir ke dalam diri kita dengan lebih bebas dan mendalam.

Mujurlah, kesakitan itu tidak sekuat kebahagiaan baharu yang kita akan rasai apabila benar-benar mengikuti Yesus!

Kedua, mengalami kesakitan yang mengalir secara intrinsik daripada kemuridan dan salib, seperti yang dikatakan oleh Yohanes dari Salib, merupakan salah satu

kriteria utama yang memisahkan Injil sebenar daripada *Injil Kemakmuran* (ajaran Protestan). Apabila kesakitan salib mengalir ke dalam hidup kita, kita tahu bahawa kita tidak meletakkan kepentingan diri kita sendiri dalam nama Injil.

Ketiga, berbaloi untuk menjadi sensitif! Freud pernah berkata bahawa neurosis (kebimbangan yang tidak sihat) adalah penyakit orang normal.

Apa yang dia tidak katakan, tetapi mungkin ada, ialah tentang antitesis kebimbangan (sihat dan tidak sihat) adalah ketidakpekaan, menjadi tebal seperti papan kerana melindungi diri daripada kesakitan — tetapi juga terlindung daripada makna mendalam cinta, keintiman dan komuniti.

Jika anda seorang yang sensitif (mungkin juga seorang yang terlalu sensitif, cenderung kepada kemurungan dan pelbagai kebimbangan) ada berita penghiburan untuk anda bahawa perjuangan anda menunjukkan bahawa anda bukan orang yang tidak sensitif dan anda bukan orang yang bodoh moral.

Akhirnya, salah satu implikasi daripada ini ialah syurga tidak sama untuk semua orang. Sama seperti kesakitan boleh menjadi cetek atau mendalam, begitu juga makna dan kebahagiaan.

Setakat mana kita membuka hati kita, ia mempengaruhi makna dan kebahagiaan yang mengalir ke dalam diri kita.

Hati yang tertutup menjadikan makna hidup ini begitu tawar. Hati yang sebahagiannya terbuka hanya menghasilkan makna yang separuh. Tetapi hati yang terbuka sepenuhnya menghasilkan makna yang paling mendalam.

Pada pendapat saya, terdapat pemahaman berbeza tentang makna kebahagiaan di bumi pada hari ini dan dalam kehidupan seterusnya. Jadi, jemputan daripada Yesus adalah untuk kita menerima kesakitan yang datang dari kayu salib yang tidak begitu tebal! **Hakcipta Terpelihara @ Fr Ron Rolheiser**

## Singkirkan gunung-gunung kejahatan

Seruan yang disampaikan Yohanes Pembaptis dua puluh abad yang lalu juga ditujukan kepada kita. Dalam seruannya itu Yohanes menyampaikan tiga syarat yang harus kita penuhi untuk dapat diselamatkan iaitu pembaptisan, pertaubatan dan pengampunan dosa.

Tiga syarat itu berkaitan erat satu sama lain.

**Pembaptisan:** Ia adalah suatu panggilan untuk memasuki suatu hidup dengan Yesus. Baptis bererti pembersihan diri dari segala cacat hidup, namun tidak secara automatik.

Secara simbolik niat dan tekad baik untuk berdamai dengan Tuhan itu dibuktikan dengan menerjunkan diri ke dalam sungai Yordan, agar segala kekotoran dirinya terhapus. Bagi kita itu terlaksana dalam pembaptisan.

**Pertaubatan:** Bertaubat bererti pengampunan dosa. Pengampunan ini merupakan suatu metanoia, suatu perubahan keadaan hati/batin. Bukan sekadar penyelesaian atas dosa-dosa yang sudah kita lakukan, melainkan suatu perubahan total dan radikal seluruh hati kita! Metanoia atau

perubahan total inilah yang dapat mendedahkan pengampunan sejati.

**Pengampunan:** Di mana ada pertaubatan, di situlah ada pengampunan. Dengan demikian pengampunan dari segala dosa bererti membebaskan diri daripada beban berat hidup kita. Pengampunan mendatangkan rekonsiliasi dengan Tuhan dan dengan sesama.

Dan itu bererti suatu penyembuhan dan pemulihan kembali hidup kita menjadi tenang dan damai.

Pesan yang kita peroleh dalam Kitab Suci tidak pernah ketinggalan zaman, bahkan selalu relevan.

Dan pesan keagamaan/kerohanian alkitab tidak boleh dipisahkan dari hidup dan perbuatan sehari-hari.

Sebab kebenaran dan kesungguhan dari apa yang kita lakukan secara lahiriah, ditentukan oleh keadaan rohaniah/batin kita! Maka tampillah Yohanes Pembaptis. Dia tahu bahawa orang-orang Yahudi percaya kepada ajaran Taurat.

Mereka hanya taat terhadap hukum, namun bukan tujuan atau maksudnya. Dalam kenyataan di tengah-tengah

masyarakat Yahudi pada zaman Yesus, sikap hidup dan perbuatan yang bertentangan dengan ajaran para Nabi sangat berleluasa.

Oleh sebab itu, Yohanes Pembaptis berseru supaya orang-orang sezamannya menyiapkan jalan bagi Almasih, meluruskan jalan yang benar. Gunung-gunung kejahatan, jurang-jurang ketidakadilan dan penindasan, liku-liku jalan penipuan dan kebohongan — semua itu harus disingkirkan dan diluruskan!

Itulah unsur-unsur hidup dalam hati setiap orang, bukan hanya pada zaman Yohanes Pembaptis, tetapi pada zaman ini juga.

Seruan Yohanes Pembaptis yang sama itu juga ditujukan kepada kita. Kita diajak untuk dibaptis kembali, bertaubat kembali, agar mendapat pengampunan kembali, sehingga kita dapat bersiap dan bersedia menerima Yesus, Juruselamat kita.

Pada musim Adven, melalui material rohani dan kitab suci, kita dapat memperoleh pelbagai maklumat mengenai kedatangan Juruselamat kita.

Jangan hanya menerima maklumat belaka. Kita dituntut untuk menghayati, memahami dan melaksanakan transformasi diri,

**HARI MINGGU  
KEDUA  
ADVEN  
BARUKH 5:1-9  
FILIPPI 1:4-6.8-11  
INJIL LUKAS 3:1-6**

seperti disampaikan oleh Yohanes Pembaptis.

Hal lain yang patut kita perhatikan pada hari ini ialah realiti bahawa kita hidup dalam zaman "instant", yang tak mengenal lagi kebudayaan sabar, tekun dan cepat lelah. Kita cenderung mahu serba mudah dan segera tercapai. Musim Adven diadakan agar kita benar-benar dapat menyambut kedatangan Penebus kita, harus kita fahami dan hayati dengan penuh keyakinan, harapan dan kesediaan mengalami transformasi batin yang sungguh-sungguh.

Hanya dengan sikap dasar inilah, perayaan Natal sejati akan dapat dirayakan dengan sungguh-sungguh. Kita diajak memikirkan kembali makna pembaptisan kita, pertaubatan kita dan pengampunan Tuhan terhadap kita. **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm.**

## Kanak-kanak hargai peluang melayani dalam Misa Kudus



LIMBAHAU: Kanak-kanak dari Kelas Pertemuan Minggu Gembira (PMG) di Holy Rosary Limbahau (HRL) melayani sebagai ahli koir, pewarta, pemungut kolekte dan sebagai warden pada November 17 yang lalu.

Misa Kudus Hari Minggu Biasa ke-33 itu dipimpin oleh pembantu paderi paroki HRL, Fr Joshua Liew.

Dalam homilinya, Fr Joshua menerangkan bahawa beberapa minggu ini, pembacaan Injil pada hari Minggu mengajak umat merenung ajaran tentang akhirat.

Pada pembacaan sebelumnya, Yesus telah memberi peringatan bahawa menjadi murid-murid-Nya akan menghadapi pelbagai cabaran. Namun Berita Baiknya ialah, Yesus sentiasa bersama dengan kita hingga akhir zaman.

Menurut Fr Joshua, Injil pada hari tersebut mengajak kita untuk membaca tanda-tanda kedatangan Yesus yang semakin dekat.

Yesus juga mengajar tidak ada seorang pun tahu bila akhirat itu

tiba kecuali Bapa di syurga.

“Yesus bukan mahu menakutkan tentang akhirat sebaliknya Dia mahu kita bersedia untuk menghadapi perubahan-perubahan yang kita akan alami dalam hidup kita.

“Tidak ada sesiapa yang terkecuali dalam mengalami perubahan. Misalnya ada adik-adik yang akan menerima Komuni Suci buat pertama kalinya pada Hari Minggu Kristus Raja. Hidup rohani mereka telah berubah! Dari zaman kanak-kanak menuju kedewasaan.”

“Antara perubahan yang dialami oleh kanak-kanak ialah mereka tidak selamanya berada di sekolah rendah, tetapi akan ke sekolah menengah seterusnya ke peringkat yang lain. Oleh itu, sentiasa hargai masa yang diberikan Tuhan oleh kita.”

Tegasnya, “Dalam setiap perubahan, ada satu yang tidak berubah iaitu kasih Tuhan! Kasih-Nya tetap kekal dan abadi untuk kita selamlamanya,” kata Fr Joshua.

# Uskup Sandakan tahbis Riki Boy sebagai diakon

Evelyn Jock

SANDAKAN: Seorang pemuda tempatan yang dilahirkan di Kg Penimbangan Baru, Jalan Sapi, Nangoh, Ricki Boy Hasim, 32, telah ditahbis sebagai diakon pada Hari Raya Besar Kristus Raja yang lalu, oleh Uskup Julius Dussin Gtiom di Katedral St Mary, Sandakan.

Rev Ricki yang dilahirkan pada Oktober 23, 1992 dan dibaptis di Gereja St Peter, Pamol, menerima Perjamuan Kudus dan Penguatannya di paroki St Martin Telupid.

Selepas Tingkatan 6 di SMK. Telupid (2011), Ricki mendapat pekerjaan di ladang kelapa sawit dan menjadi *Training Field Assistant* selama empat tahun di *Wilmar Plantation* di Ladang Terusan 1.

Panggilannya menjadi paderi bermula pada tahun 2012 apabila beliau melihat mendiang Fr Jasery Gabuk yang merayakan dua Misa di dua buah Gereja kecil di paroki St Martin dan mendengar pen-



gakuan meskipun sangat keletihan.

Sejak itu, Ricki memanggil panggilanannya sebagai “mimpi yang aneh”.

Apabila dia memberitahu keluarganya bahawa dia ingin menjadi paderi, ibunya gembira namun ba-

panya agak ragu-ragu.

Ricki menyertai seminari sebagai Aspiran Rumah Pembentukan Aspiran Kota Kinabalu (2016).

Kini selepas lapan tahun, pada November 20, 2024, Ricki menerima Upacara Penerimaan Calon Diakon dari Uskup Julius di Katedral St Mary.

Kemudian, pada November 24, semasa pentahbisan Ricky sebagai diakon, Uskup Julius mengatakan pentahbisan diakon Ricky adalah hari rahmat bagi Keuskupan Sandakan. Prelatus itu menyeru umat agar menyokong dan mendoakan Diakon Ricky agar beliau akan terus berkata ‘Ya’ untuk menjadi paderi.

Uskup Julius juga berterima kasih kepada keluarga Ricki dan semua orang yang telah memainkan peranan dalam pembentukannya. Kehadiran umat dari pelbagai paroki Keuskupan Sandakan menunjukkan semangat berjalan bersama mereka sebagai Gereja Sinodal.

## Tiga perayaan meriah disambut serentak di Kuala Penyu

KUALA PENYU: Pada Hari Minggu terakhir Tahun Liturgi B, Uskup Datuk Cornelius Piong berkenan melawat paroki St Peter Bundu untuk menyempurnakan upacara Sakramen Krisma kepada 118 calon sekali gus merayakan ulang tahun perak Sr Maria Thomas Pusing sebagai religius dan merayakan ulang tahun Uskup Cornelius yang ke-75.

Semasa merayakan Ekaristi, Uskup Cornelius dibantu oleh paderi paroki St Peter, Fr Ronny Mailap dan Fr Paul Mikin.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius menegaskan kepentingan Sakramen Krisma kepada seorang Katolik, kerana melaluinya, “seseorang diikat secara lebih kuat dan sempurna dengan Gereja serta diperkaya dengan daya kekuatan Roh agar kita lebih berani dalam menghidupi iman kita.”

Walau bagaimanapun, Bapa Uskup mengingatkan bahawa tidak cukup kalau hanya menerima Krisma.

“Kita hendaklah setiap waktu atau setiap hari berdoa kepada Roh Kudus, meminta-Nya untuk hadir, menyertai dan membimbing hidup kita dalam setiap keadaan, agar dalam setiap perlakuan, kita sungguh-sungguh dikuasai oleh-Nya.”

Bapa Uskup menyeru para Krismawan agar mengenal pasti



Umat paroki St Peter, Bundu meraikan tiga perayaan besar sekaligus iaitu upacara penerimaan Sakramen Krisma, jubli perak Sr Maria Thomas Pusing dan ulang tahun ke-75, Uskup Cornelius Piong.

panggilan Tuhan pada diri mereka dan mengharapkan mereka dapat membuat pilihan yang betul agar ada di antara mereka yang berani menyahut panggilan untuk menjadi paderi dan religius.

Sr Maria Thomas Pusing dari kongregasi *Franciscan Sisters of the Immaculate Conception* (FSIC) yang menyambut jubli perak sebagai religius, menyampaikan perkongsian mengenai kehidupan sukacitanya sebagai biarawati FSIC selama 25 tahun.

Sr Maria yang juga seorang pendidik, mengulangi seruan Uskup Cornelius Piong agar ada

dalam kalangan belia yang akan tampil menjadi paderi dan religius setelah sekian lama tidak ada pentahbisan paderi dan religius yang berasal dari Kuala Penyu.

Fr Ronny Mailap dalam ucapannya bersyukur dan gembira atas usaha gigih para Katekis Pembimbing yang tak kenal penat lelah dalam pelayanan mereka membimbing para Krismawan.

Paderi itu juga menyampaikan penghargaan atas kerjasama daripada semua pihak dalam menjayakan tiga perayaan sukacita sekaligus dalam sebuah majlis pada hari tersebut. **Marcus Angang**

## Ziarah Rohani Tujuh Sakramen

KOTA KINABALU: Seramai 175 peserta dari pelbagai komiti, kumpulan, dan umat awam Misa Bahasa Malaysia telah menyertai Ziarah Rohani Tujuh Sakramen anjuran Komiti Pastoral Bahasa Malaysia, Katedral Hati Kudus (SHC).

Dalam ziarah ini, dua daripada Tujuh Sakramen telah diziarah iaitu Sakramen Penguatan di Holy Rosary, Limbahau, dan Sakramen Pertobatan di St Patrick, Kinuta. Peserta dibahagikan kepada empat kumpulan dengan menaiki bas yang diberi nama mengikut empat Injil.

Sebelum bertolak, paderi paroki SHC, Fr Paul Lo, memimpin doa pengutusan.

Doa rosari didoakan sepan-

jang perjalanan menuju ke Holy Rosary Limbahau. Setibanya di situ, para penziarah berkumpul di grotto untuk menghabiskan misteri Terang yang kelima.

Ziarah diteruskan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Paul Lo, diikuti katekesis mengenai doa rosari dan Bonda Maria.

Selepas makan tengah hari, ziarah diteruskan ke Sakramen Pertobatan di St Patrick, Kinuta, di mana Fr Terans, paderi pembantu paroki SHC, turut hadir.

Fr Terans menyampaikan katekesis tentang karya mision awal di Sabah dan mengenai Santo Padre Pio. Sebelum ziarah berakhir, Fr Terans memberikan sesi pengakuan kepada peserta ziarah.



Umat SHC melakukan ziarah rohani Tujuh Sakramen di Limbahau dan Kinuta, Papar.


# Sahabat kecil Yesus

**KATEKESIS SINGKAT:**  
Maria dikandung tanpa Noda.

Adik-adik, Gereja Katolik biasanya merayakan Pesta Besar Santa Perawan Maria Dikandung Tanpa Noda pada setiap December 8.

Namun, atas sebab istimewa, pada tahun ini kita merayakannya pada Disember 9.


Gereja mengajarkan berkat karunia penebusan Yesus Kristus kepada Bunda Maria dan kerana rahmat Tuhan yang istimewa, maka sejak dari rahim ibunya, Maria telah dibebaskan dari noda dosa asal Adam!



ISIKAN TEMPAT KOSONG

Ada ----- yang berseru-seru di padang gurun:" ----- jalan untuk Tuhan, ----- jalan bagi-Nya. Setiap ----- akan ----- dan setiap ----- dan bukit akan menjadi rata, yang ----- akan diluruskan, yang ----- akan diratakan, dan semua orang akan melihat ----- yang dari Tuhan."  
*(Lukas 3:4-6)*

Apakah salah satu perayaan Maria yang dirayakan oleh Gereja?  
Selesaikan kod rahsia di bawah.



A I DI N D NG  
T NP N O D

keselamatan      berlekuk-lekuk      gunung  
berliku-liku      lembah      suara  
ditimbun      luruskanlah      persiapkanlah

Cari dan warnakan benda-benda yang tersembunyi pada gambar di bawah: *kanu (canoe), ikan, daun, lolipop, magnet, bulan, benang & jarum, sehiris oren, piring, sudu dan bintang.*



Hello adik-adik,  
Apa khabar? Pada hari Minggu ini, kita memasuki Hari Minggu Adven Kedua. Dalam pembacaan Injil, kita mendengar suara Yohanes Pembaptis berseru kepada orang ramai, "Persiapkanlah jalan untuk Tuhan, luruskanlah jalan bagi-Nya. Setiap lembah akan ditimbun dan setiap gunung dan bukit akan menjadi rata, yang berliku-liku akan diluruskan, yang berlekuk-lekuk akan diratakan, dan semua orang akan melihat keselamatan yang dari Tuhan." (Lukas 3:4-6). Adakah Yohanes Pembaptis mahu kita meratakan dan membaiki jalan raya? Sebenarnya, Yohanes Pembaptis menyeru kita untuk bersedia menyambut kedatangan Mesias, Yesus Kristus. "Jalan" yang dimaksudkan oleh Yohanes ialah hati kita -hendaklah diperbaiki dan kembali kepada Tuhan!  
*Salam Sayang  
Antie Melly*

# BELIA



## K.A.M.I. 5.0: Bersukacitalah dalam Pengharapan

Nelton Joseph

**KUALA LUMPUR:** Seramai 150 belia Katolik yang berada di Keuskupan Kuala Lumpur telah berkumpul dalam program K.A.M.I. Belia 5.0 yang diadakan di Pusat Pastoral Keuskupan Agung Kuala Lumpur pada November 9-10 lalu.

Program yang dianjurkan oleh belia ABMA (*Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate*) ini membawa tema "Bersukacitalah dalam Pengharapan" (Roma 12:12), di mana tema ini juga dipetik daripada pesan Sri Paus Fransiskus untuk Hari Belia Sedunia ke-38.

Bapa Suci berkata bahawa "masa muda adalah masa yang penuh dengan harapan dan impian, dipacu dan digerakkan oleh banyak perkara indah yang memperkaya kehidupan kita."

Untuk program K.A.M.I. Belia 5.0, pihak penganjur telah menjemput Fr Alvin Ng dari St Francis Xavier (SFX) dan Fr Nicholas Hoh

OCD untuk memberi perkongsian mereka melalui topik-topik yang dipilih, sesuai dengan cabaran yang dilalui oleh para belia Katolik di dalam kehidupan seharian mereka.

Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Alvin dan Fr Nicholas, memulakan hari pertama.

Kemudian, Fr Alvin meneruskan sesi bertajuk "Penemuan Diri 1 & 2". Sesi ini membantu para peserta untuk lebih mengenali tujuan, peranan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang Katolik.

Setelah itu, Fr Nicholas Hoh telah menyampaikan sesi "Hubungan saya + Keluarga, Hubungan saya + Dunia, Hubungan saya + Gereja".

Sesi ini mengajak para peserta belajar mengenai perbezaan di antara hubungan mereka dengan keluarga, dunia dan Gereja.

Acara kemuncak dalam program ini adalah Doa Taize yang dipimpin oleh Tim ASAYOKL, Pengakuan Dosa dan Penyembuhan serta Adorasi Sakramen Mahakudus yang dipimpin oleh kedua-dua paderi.

Sesi tersebut banyak menyentuh hati para belia terutama mereka yang sudah lama

tidak melakukan pengakuan dosa dan bagi yang mengalami penyembuhan rohani, dan mereka yang rindu akan suasana hening dan mengalami hadirat Tuhan yang hadir dalam rupa Hosti.

Pada hari kedua, program diteruskan dengan sesi "Kesaksian Iman dan Seksualiti, Doa dalam Kehidupan Kristiani" oleh Fr Alvin.

Sesi ini mengajar para peserta untuk mengenali tubuh, jiwa dan roh dan setiap bahagian ini mempunyai keperluan dan peranan yang berbeza.

Sesi "Ekaristi Sumber Kehidupan" yang disampaikan oleh Fr Nicholas Hoh pula membimbing peserta bahawa puncak dalam kehidupan seorang Katolik adalah Ekaristi yang menjadi sumber kita untuk hidup, semakin bersatu dan menyerupai Kristus.

Program ini diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Michel Dass dari paroki St Anthony Kuala Lumpur, dan dibantu oleh Fr Simon Lau dari paroki Jesus Caritas Kuala Lumpur, Fr Alvin Ng, dan Fr Nicholas Hoh.

Berikut merupakan beberapa perkongsian

daripada para peserta:

"Sudah hampir 10 tahun saya tidak turut serta dalam program belia, terima kasih kerana mengadakan program ini dan mengubat kerinduan saya mengikuti program belia yang sangat bermakna dan membantu lebih-lebih lagi pada tahun 2024 yang mencabar ini" – *Alvin, Gereja Our Lady of Lourdes, Klang*

"Sangat seronok dan membuatkan saya sangat bersyukur melihat bilangan belia Katolik kita yang sebenarnya ramai dan mempunyai semangat yang membara untuk melayani di Gereja" – *Sherlyn, Good Shepherd Church, Setapak*

"Saya sangat bersyukur kerana diberikan kesempatan untuk mengalami hadirat Tuhan dalam diri kawan-kawan baru yang saya kenali dalam program K.A.M.I. Belia ini." – *Henry, Holy Family Church, Kajang*

"Sesi oleh Fr Alvin dan Fr Nicholas sangat-sangat membuka mata saya, kehidupan sebagai seorang belia Katolik sangat mencabar terutamanya pada zaman moden ini." – *Jen, Gereja Divine Mercy, Shah Alam*



### Menggemakan firman Tuhan

**KLANG:** Untuk menggemakan firman Tuhan, paroki *Our Lady Of Lourdes* telah mengadakan pameran bertemakan Kitab Suci baru-baru ini.

Pameran yang dianjurkan oleh Komite Kateketikal ini mempamerkan hasil penulisan kreatif dan kraf para pelajar kelas Minggu berdasarkan perumpamaan-perumpamaan dalam Kitab Suci.

Beberapa tajuk juga dipilih daripada Katekismus Gereja Katolik dan buku teks Siri Kateketikal Malaysia misalnya Ciptaan Tuhan, Roh Kudus dan buah-buahnya, Tujuh Sakramen, para martir Gereja dan 10 Hukum Tuhan.

Terdapat juga aktiviti pencarian harta karun yang bertemakan Kitab Suci dianjurkan

oleh pelajar kelas menengah rendah.

Di samping itu, kumpulan *Bible Knowledge* (BK) telah mendirikan reruai yang memaparkan nota serta gambar menurut Injil Sto Lukas dan Kisah Para Rasul.

Pameran ini mendapat kunjungan yang menggalakkan termasuk paderi dan ahli-ahli Majlis Pastoral Paroki. Pameran itu membantu para pelajar Kateketikal menghayati firman Tuhan sekali gus menyebarkan Khabar Sukacita dalam kalangan pengunjung.

Pauline Rinnalyn, penyelaras Kateketikal mengatakan pameran itu penting dalam menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi dan berkongsi iman dengan para umat Gereja.

## Berita ringkas Gereja sejagat

### Pakar dialog antara agama, meninggal dunia

VATIKAN: Kardinal Miguel Ángel Ayuso Guixot (*gambar*), seorang prelatus kelahiran Sepanyol dan ketua Dikasteri untuk Dialog Antara Agama meninggal dunia pada November 25, pada usia 72 tahun selepas lama sakit.



Kardinal Miguel seorang pakar yang dihormati dalam Islam, beliau banyak menumpukan kerjayanya untuk mempromosikan dialog dengan agama Islam dan memainkan peranan penting dalam "Dokumen Persaudaraan Manusia untuk Keamanan

Sri Paus Fransiskus memohon doa untuk mendiagnoskan dan memaklumkan berita sedih ini kepada delegasi Jain antarabangsa di Vatikan.

Dunia dan Hidup Bersama" yang ditandatangani oleh Sri Paus Fransiskus bersama Imam Al-Azhar di Abu Dhabi pada 2019. **CNA**

### "Penyalahgunaan spiritual" mungkin jadi jenayah Gereja

ROMA: Dikasteri untuk Doktrin Iman (DDF) sedang bekerjasama dengan Dikasteri untuk Teks Perundangan untuk "menganalisis kemungkinan menjadikan "penyalahgunaan spiritual" sebagai jenayah formal dalam undang-undang Gereja."

Dua dikasteri ini sedang membentangkan cadangan konkrit mengenai perkara itu, menurut kertas kerja dari pejabat doktrin

bertarikh November 22.

Menurut nota yang ditandatangani oleh prefek DDF, Kardinal Víctor Manuel Fernández dan diluluskan oleh Sri Paus Fransiskus, istilah "mistisisme palsu" ialah "ungkapan yang terlalu luas dan samar-samar" yang memerlukan pencerahan dan pemurnian dalam konteks tertentu dalam Gereja. **Media Vatikan**

### Diserang kumpulan ganas, sekolah Katolik bersejarah di Dhaka ditutup

DHAKA: Salah satu institusi Katolik tertua di Dhaka, Sekolah Tinggi dan Kolej St Gregory, telah menutup sekolah itu berikutan serangan kumpulan ganas yang menyebabkan kerosakan besar kepada sekolah dan mencederakan anggota keselamatan. Serangan itu adalah yang terbaharu dalam siri insiden ganas yang melanda ibu negara Bangladesh, meningkatkan kebimbangan terhadap keselamatan komuniti minoriti.



Sekolah Katolik bersejarah, yang diasaskan pada tahun 1882, diserang pada November 24 oleh lebih 500 individu yang tidak dikenali. Selepas menyerbu penghalang keselamatan dan mencederakan dua orang pengawal keselamatan, mereka merosakkan bilik darjah,

memecahkan tingkap dan memusnahkan dokumen sekolah.

Pengetua sekolah, Fr Placido Pietro Ribeiro mengemukakan rasa kesalnya atas serangan itu.

"Kerja-kerja pemulihan dan pembaikan sudah dijalankan. Kerosakan ini mengambil masa untuk diperbaiki. Kami akan meneruskan aktiviti sekolah seperti biasa sebaik sahaja premis itu dibaik pulih sepenuhnya dan selamat untuk pelajar dan kakitangan," kata paderi itu. **Asia News**

### Ulang tahun ke-130, penubuhan suster canossia di Singapura



Kardinal William Goh dan Sr Geraldine Tan membuka tirai statue *Sta Magdalena of Canossa*, yang melambangkan penyatuan dua buah sekolah kendalian para suster Canossian.

SINGAPURA: *The Canossian Daughters of Charity* Singapura meraikan ulang tahun ke-130 mereka dengan sambutan besar di *Canossian Village Sallim Road* pada November 15.

Majlis itu kira-kira 3,000 hadirin dan memaparkan pembukaan patung baharu sebagai simbolik dan inisiatif penstrukturan semula yang mencerminkan komitmen

para religius terhadap keterangkuman dan pendidikan.

Kemuncak acara itu ialah majlis ringkas namun penuh makna, yang melambangkan penggabungan Sekolah Canossian (CS) — sebuah institusi pendidikan khas untuk pelajar yang mengalami masalah pendengaran — dan Sekolah Rendah Katolik Canossa (CCPS), menjadi satu entiti. **LiCASNews**

## Paderi 'baring atas sampah' demi dedah pengurusan sisa tidak cekap

YOGYAKARTA: Bantahan berani dan tidak konvensional oleh seorang paderi Yesuit telah mendorong segera pegawai kerajaan Indonesia bertindak untuk membersihkan lautan timbunan sampah berhampiran halaman Kolej Ignatius yang bersejarah di Yogyakarta.

Fr Mutiara Andalas, seorang pensyarah teologi Yesuit, telah berbaring di timbunan sampah pada awal Oktober untuk menarik perhatian umum mengenai ketidakcekapan pengurusan sampah di kawasan itu.

Sampah, yang terletak di tapak pelupusan sementara di belakang Kolej Santo Ignatius (Kolsani) dan berhampiran kampus kelima Universiti Sanata Dharma, telah menjadi isu yang panas.

"Timbunan sampah yang besar ini terletak dan 'melekat' di pagar Kolsani dan di belakang kampus kelima, Universiti Sanata Dharma," kata Fr Mutiara.

Bantahan paderi itu, yang dirakam video dan tular di media sosial, mendapat perhatian ramai. Turut menyertai bantahan itu ialah Vian, seorang pelajar pastoral dan katekis dari Pulau Flores di Nusa Tenggara Timur, yang juga mahasiswa di Universiti Sanata Dharma. Vian, mengatakan tindakannya adalah sebagai membantah pengurusan sampah yang acuh tak acuh di kawasan tersebut.

"Pada awalnya kami mahu menunjukkan keprihatinan serius kami dengan memungut sampah



dan membawanya ke Dewan Rakyat Daerah (DPRD) Yogyakarta. Tetapi kami membatalkan tindakan ini dan menukarnya kepada lakonan," jelas Vian.

Video tular itu mendorong Menteri Alam Sekitar Indonesia Hanif Faisol Nurofiq untuk melawat tapak tersebut dan mengeluarkan amaran keras kepada pihak berkuasa tempatan.

Menteri itu mengkritik pentadbiran Yogyakarta kerana gagal menangani isu itu walaupun mendapat peruntukan bajet yang besar.

"Saya akan meneruskan asas undang-undang untuk meneruskan tindakan tidak wajar oleh pentadbiran Yogyakarta tempatan," kata Hanif.

Beliau menegaskan bahawa walaupun 300 tan sampah dijana setiap hari, salah urus telah menyebabkan tapak sementara ditimbuni lautan sampah.

Gabenor Yogyakarta, Sultan Hamengkubuwono X, yang juga berperanan sebagai raja wilayah segera menggesa Datuk Bandar Sugeng Purwanto untuk menangani isu itu dengan segera.

Datuk Bandar Purwanto mengakui cabaran dalam menguruskan sisa, dengan menyatakan, "Pentadbiran Yogyakarta kami hanya dapat membaik pulih 180 tan daripada sejumlah 300 tan sampah."

Bagaimanapun, menjelang November 21, pihak berkuasa tempatan telah bertindak pantas untuk membersihkan kawasan itu.

Walaupun pembersihan itu menangani masalah segera di lokasi ini, persoalan kekal tentang bagaimana negara akan melaksanakan penyelesaian yang mampan untuk menguruskan pengeluaran sisanya yang semakin meningkat. **LiCASNews**

## Dokumen Akhir Sinode tentang Sinodaliti akan segera dilaksanakan

VATIKAN: Pada November 26, Sri Paus Fransiskus menjelaskan bahawa dokumen Sinode terakhir mengenai Sinodaliti — yang menyeru kepada perubahan struktur, termasuk lebih penglibatan orang awam dan penyertaan wanita dalam Gereja — adalah sebahagian daripada magisterium biasa Gereja dan harus dilaksanakan oleh keuskupan dan Gereja.

"[Dokumen terakhir] merupakan sebahagian magisterium biasa pengganti Sto Petrus, dan oleh sebab itu, saya meminta agar ia diterima," tulis Sri Paus Fransiskus dalam notnya mengenai dokumen 52 halaman itu.

Dalam catatannya, beliau menjelaskan bahawa dokumen akhir adalah sebahagian daripada "ajaran sahih Uskup Roma."

Daripada menerbitkan dokumen pasca sinodenya sendiri,

Fransiskus memilih untuk meluluskan dokumen akhir sinode sepenuhnya pada Oktober 26. Bapa Suci menandatangani dokumen itu sebagai tanda beliau menyertai perhimpunan sinode dan menujukan dokumen itu kepada umat Tuhan.

"[Dokumen terakhir] kini sudah boleh dilaksanakan dalam Gereja-gereja tempatan dan perkumpulan Gereja, dengan mengambil kira konteks yang berbeza, apa yang telah dilakukan dan apa yang masih perlu dilakukan, untuk mempelajari dan mengembangkan kaedah yang sesuai untuk Gereja sinode misionari," tulis Sri Paus.

"Gereja tempatan dan kumpulan Gereja kini diminta untuk melaksanakan, dalam konteks yang berbeza, petunjuk beribawa yang terkandung dalam dokumen itu, melalui proses pertimbangan dan membuat keputusan yang

disediakan oleh undang-undang dan oleh dokumen itu sendiri," tambah Fransiskus.

Bapa Suci menulis bahawa kesimpulan Sinode tentang Sinodaliti, "tidak mengakhiri proses sinode."

Dokumen itu memerlukan pengukuhan majlis pastoral di peringkat paroki dan keuskupan dengan menyatakan bahawa kuasa uskup tempatan dan Sri Paus "berkaitan dengan pengambilan keputusan adalah tidak boleh dilanggar."

Selain itu, dokumen itu memerlukan lebih banyak penyertaan awam dalam semua pembuatan keputusan Gerejajawi.

Ia secara khusus menyeru lebih ramai wanita dalam peranan kepimpinan tetapi ia tidak menyatakan kemungkinan pentahbisan diakon wanita. Ia juga mengutuk pengecualian berdasarkan "situasi perkahwinan, identiti atau seksualiti" seseorang. **CNA**

## AUDIENSI UMUM MINGGUAN SRI PAUS FRANSISKUS



# Ingatlah maksud Injil ialah “berita gembira”

VATIKAN: Dalam siri katekesisnya tentang Roh Kudus dalam kehidupan Gereja, Sri Paus Fransiskus memfokuskan refleksi beliau mengenai karunia kegembiraan rohani, salah satu buah Roh Kudus.

Semasa audiensi umum minggunya, Sri Paus menjelaskan ada bezanya antara kegembiraan duniawi dan kegembiraan yang didatangkan oleh Roh Kudus.

Katanya, kegembiraan duniawi hanya sekejap tetapi Roh memberikan kita kegembiraan mendalam dan kekal. Kehadiran Roh Kudus di dalam hati kita pasti memberi inspirasi kepada kita untuk berkongsi kegembiraan ini dengan orang lain.

Sangti Papa menjelaskan bahawa buah-buahan Roh adalah hasil kerjasama kita antara rahmat dan kebebasan, di mana “iman bekerja melalui cinta” dengan cara unik, kreatif dan menggembirakan. Kita masing-masing diberikan karunia istimewa, oleh sebab itu, jadilah “pekerja amal Tuhan yang sabar dan rendah hati untuk keamanan serta kesejahteraan bersama.”

Sukacita merupakan buah Roh Kegem-

biraan yang memberikan kita perasaan “kenyang” dan terpenuhi serta membuat seseorang berharap ia akan kekal selamanya, jelas Sri Paus.

Prelatus itu memetik kata-kata Sto Augustinus kepada Tuhan: “Engkau telah menjadikan kami untuk diri-Mu sendiri, dan hati kami resah sehingga ia tenang di dalam Engkau”.

## Kegembiraan berganda

“Sukacita Injil, tidak seperti kegembiraan lain kerana ia dapat diperbaharui setiap hari dan menular,” kata Sri Paus. Katanya, “Berkat pertemuan berterusan dengan kasih Tuhan ini, yang berkembang menjadi persahabatan, memperkaya, membebaskan kita daripada kesempitan dan sikap keterlaluan kita.”

Lanjutnya, “Sukacita adalah sumber dan inspirasi semua usaha kita dalam penginjilan. Oleh sebab itu, sememangnya wajar bahawa kita diilhamkan untuk berkongsi kegembiraan ini dengan orang lain. Kegembiraan yang merupakan buah Roh

tidak pudar dan ia “berlipat ganda apabila ia dikongsi dengan orang lain.”

## Sukacita Injil

Bapa Suci juga mengenang karya Sto Philip Neri yang tinggal di Roma, lima abad lalu dan dikenali sebagai “orang kudus yang sentiasa bersukacita.”

Sri Paus mengatakan Sto Philip Neri pernah berkata kepada anak-anak miskin dan terbiar dalam khutbahnya, “Anak-anakku, bersukacitalah; Jangan ragu atau murung; cukuplah bagiku kamu tidak berbuat dosa”. Kegembiraan Sto Philip Neri adalah buah Roh dan dia menjadi “penginjil sejati melalui kegembiraan.”

Perkataan “Injil” bermaksud berita gembira, kata Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci menggalakkan semua orang untuk mengambil nasihat Sto Paulus kepada jemaat di Filipi, “Bersukacitalah sentiasa dalam Tuhan! Sekali lagi ku katakan: Bersukacitalah! Hendaklah kebaikan hatimu diketahui semua orang. Tuhan sudah dekat!(Flp 4:4-5). **Media Vatikan**

Banyak pertempuran rohani kita bukan kerana kekurangan iman tetapi daripada salah faham tentang apa yang dimaksudkan dengan iman. Apabila kita membiarkan idea-idea yang salah ini membentuk jangkauan kita, ia membuatkan kita berasa kecil hati dan meragui akan kasih Tuhan.

Sempena Adven, mari kita menangani beberapa pembohongan yang cenderung dipercayai oleh orang Kristian tentang iman mereka.

## Saya tidak layak berkongsi iman

Pembohongan biasa yang menghalang kita daripada bercakap tentang iman adalah kerana percaya kita perlu terlebih dahulu belajar Alkitab atau mungkin perlu ijazah dalam teologi!

Renung kisah wanita Samaria di perigi (Yohanes 4:1-26). Dia tidak menunggu sehingga dia menamatkan kursus Kitab Suci atau teologi untuk mewartakan Yesus di kampungnya tentang Yesus.

Wanita Samaria itu menunjukkan kepada kita bahawa kesaksian yang paling kuat ialah perkongsian pertemuan kita sendiri dengan Tuhan serta kesediaan kita untuk berkongsi tentang pengalaman itu dengan orang lain.

**Salah sangka tentang kegembiraan peribadi** Kita selalu salah sangka bahawa Tuhan hanya mahu kita bahagia. Ya, sesungguhnya kegembiraan datang dari Roh Kudus, tetapi jika kegembiraan kita berdasarkan situasi atau keadaan, maka kegembiraan itu tidak berkekalan.

Kitab Suci menunjukkan bahawa pertumbuhan rohani dan keupayaan kita untuk memuliakan Tuhan sering kali datang melalui ujian, bukan penghiburan. Yesus



## Pembohongan yang sering menyerang Katolik

sendiri memberi peringatan ada kesengsaraan di dunia ini tetapi juga menawarkan kedamaian yang melampaui sebarang keadaan (Yohanes 16:33)

## Saya boleh menjadi Katolik tanpa ke Gereja

Sangat ramai orang percaya mereka boleh mengekalkan kehidupan iman yang sihat melalui doa peribadi, mengikuti khutbah dalam talian, dan belajar Alkitab secara peribadi tanpa perlu ke Gereja.

Walau bagaimanapun, Perjanjian Baru mengajar kita bahawa iman Kristian harus dihayati dalam komuniti. Ia menggunakan metafora—tubuh, keluarga, bangunan yang dipasangkan bersama—untuk menunjukkan kepentingan hubungan dan komuniti. Apabila kita mengabaikan hubungan ini, kita kehilangan berkat persekutuan dan sistem sokongan yang telah Tuhan ciptakan untuk kita.

## Saya bukan anak kesayangan Tuhan

Pembohongan bahawa anda tidak diterima oleh Tuhan sering mencetuskan pe-

rasaan penolakan dan tidak layak.

Ramai yang terperangkap dengan kepercayaan palsu ini. Namun Efesus 1 mengingatkan kita bahawa kita adalah umat yang terpilih, diangkat sebagai anak Tuhan, ditebus dan dimeterai dengan Roh Kudus, bukan kerana usaha kita, tetapi melalui anugerah Kristus Tuhan!

## Saya tidak ada masa melayani

Menangguhkan penglibatan dalam pelayanan kerana mahu menunggu sehingga kehidupan kurang sibuk adalah pembohongan yang menghalang ramai umat daripada menyahut panggilan Tuhan.

Pelayanan bukanlah tentang bersedia sepenuhnya atau mempunyai banyak masa lapang; ia adalah tentang bersedia untuk membiarkan Tuhan menggunakan anda pada masa kini.

Dalam pelayanan, walaupun dalam cara yang kecil, Tuhan melipatgandakan usaha kita dan memberkati ketaatan kita. **Christian Living**

## PENULIS BERKICAU

## Ziarah

Sejauh mana pengertian kita tentang ziarah? Adakah ia sekadar aktiviti melawat ke sesebuah tempat yang diisytiharkan tempat ziarah, berdoa rosari dan menghadiri Misa Kudus?

Atau adakah ia sekadar menyertai program ziarah paroki kerana semua orang teruja menyertainya, lalu membeli kemeja T dan topi ziarah dan berjalan kaki beramai-ramai dengan umat lain ke pusat ziarah.

Sempena Jubli Harapan pada tahun 2025, Sri Paus Fransiskus menjemput semua umat untuk datang ke Kota Abadi. Terdapat empat pintu suci basilika yang menawarkan indulgensi. Pintu suci ini hanya akan dibuka di Vatikan sepanjang tahun 2025.

Ziarah bukan setakat menyahut seruan paderi paroki kita untuk melakukan ziarah. Ketika berziarah kita meninggalkan kesibukan sehari-hari dan berjalan menuju tempat ziarah. Paling penting, lupakan telefon pintar anda buat seketika.

Perjalanan fizikal ini mengingatkan kita bahawa kita semua (Gereja) sedang berziarah menuju tanah air syurgawi. Gerak perjalanan kita adalah maju menuju kepenuhan Kerajaan Tuhan pada akhir zaman.

Katekismus Gereja Katolik menyebutkan bahawa ziarah, selain mengingatkan kita akan perjalanan ziarah kita menuju Syurga, juga penting serta tepat bagi pembaharuan doa, mencari sumber-sumber hidup untuk menghidupkan bentuk-bentuk doa Kristiani sebagai Gereja. Intensi dasarnya adalah spiritual.

Tetapi ziarah yang penting dalam Kitab Suci ialah dalam Kitab Keluaran — kisah Musa memimpin orang Israel keluar dari Mesir — melalui padang pasir di mana mereka mengalami pelbagai ujian, godaan dan dosa.

Episod ini telah menjadi salah satu model utama hubungan antara pengembaraan dan kehidupan keinsafan dan iman. Dalam Perjanjian Baru, kita juga melihat kepentingan ziarah, bukan dalam pengertian perjalanan fizikal, tetapi dalam idea untuk menjalani kehidupan semasa kita, kehidupan duniawi dengan cara yang membawa kita lebih dekat kepada yang kekal.

Ziarah bukan perjalanan biasa. Ia harus dilakukan dengan iman, jika tidak ia tidak akan membawa sebarang perubahan dalam hidup rohan kita.

Ziarah kita seharusnya bergerak di dalam geografi iman, di sepanjang jalan yang dilalui jejak-jejak kekudusan, di tempat-tempat di mana rahmat Tuhan telah ditunjukkan dengan kemegahan tertentu dan menghasilkan buah-buah pertobatan dan kekudusan yang berlimpah.

Sempena Jubli Harapan pada tahun 2025, Sri Paus Fransiskus menjemput semua umat untuk datang ke Kota Abadi. Dalam dekri Sri Paus "Harapan tidak Mengecewakan" (*Spes non confundit*) menyatakan hanya empat pintu suci basilika di Roma yang akan dibuka.

Pintu-pintu suci itu ialah Basilika Sto Petrus, Basilika St John Lateran, Basilika Sto Petrus di luar Tembok dan Basilika St Mary Major — sepanjang Tahun Suci Harapan 2025.

Tidak semua mampu untuk merayakan Jubli Harapan di Roma. Namun di mana pun kita berada, lakukanlah sesuatu.

Mungkin anda boleh menganjurkan ziarah keluarga atau bersama KED/KKD ke pusat-pusat ziarah tempatan. Keluar dari zon selesa, pergilah melarikan kembara bersama Tuhan dan semoga ziarah kita dapat menguatkan iman, belas kasihan dan amal bakti kita.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)**

**atau WhatsApp: 011-26391498**



**Patricia Bai**

PAPAR, Sabah: Seramai 62 peserta yang datang dari seluruh pelosok Malaysia telah menghadiri Perhimpunan Caritas Malaysia kali keempat pada November 12-15 lalu di Pusat Retret *Pace Bene*, Papar.

Ia menggunakan tema "Kesatuan Minda, Hati dan Perbuatan: Marilah Kita Mengasahi Bukan dengan Perkataan atau dengan Lidah, tetapi dengan Perbuatan dan dalam Kebenaran" (Yohanes 3:18-19).

Caritas Malaysia pada kali ini turut mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli dari Komisi Episkopal Keadilan dan Ciptaan (ECCJ) serta Komisi Episkopal Migran dan Orang yang Berpindah Randah (ECMI).

Fr Alvin Ng SJ memulakan perhimpunan dengan merenung surat ensiklik Bapa Paus Fransiskus yang terbaharu *Dilexit No*.

Beliau mengajak ahli-ahli Caritas untuk memahami tiga prinsip utama Caritas iaitu subsidiari, kebaikan bersama dan tanggung-jawab bersama untuk dilaksanakan mengikut konsep sinodal.

Selapas itu, Misa Kudus pembukaan dipimpin oleh Uskup Agung John Wong, Uskup Bernard Paul serta beberapa orang paderi.

Pada hari kedua perhimpunan, Fr Fabian Dicom dari Caritas Malaysia, Clare Westwood dari ECCJ dan Dionysius Richard Ellai dari ECMI menyampaikan fungsi dan peranan komisi masing-masing di dalam pelayanan sosial Gereja Katolik Malaysia.

Anna Teresa Amandus kemudiannya memberi perkongsian tentang hasil daripada Bengkel Ekologi Integral peringkat regional yang telah diadakan di Bangkok, Thailand pada bulan Julai lalu.

Pada masa yang sama, mesyuarat khas di antara Caritas Malaysia, CCJ dengan ECMI telah diadakan. Antara agenda utama yang telah dibincangkan adalah mengenai prospek kerjasama di antara ketiga-tiga komisi ini un-



## Perhimpunan Caritas Malaysia kali keempat

tuk menganjurkan program bersama sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat keuskupan.

Hari ketiga perhimpunan memberi ruang bagi perwakilan pelbagai Keuskupan berkongsi mengenai Latihan Pengurusan Bencana oleh Albert Tan dan Priscilla Telon, perkongsian tentang apa yang telah dipelajari semasa banjir besar melanda Sabah pada baru-baru ini oleh Jennifer James, rumah perlindungan yang diusahakan oleh Caritas Sibu oleh Eta Ting dan program Caritas Membakut *Youth Camp* oleh Patricia Bai.

Pada sebelah petang, Dr. Mary Barathy menyampai sesi *Psychology* manakala Pauline Yeoh dari Pejabat National Caritas Malaysia mengendalikan sesi *Standard Safeguarding* dan Pengurusan *Caritas Internationalis* manakala Christopher Kushi bercakap tentang undang-undang perlindungan kanak-kanak di

Malaysia.

Para peserta kemudian dibawa ke paroki St Joseph untuk Malam Solidariti. Kedatangan mereka dialu-alukan oleh Msgr Nicholas Stephen, paderi paroki Limbahau dan Papar.

Para peserta disambut meriah dengan paku gong, tarian tradisi dan dihidangkan dengan pelbagai jenis hidangan makanan tradisi Sabah.

Sr Anita James, Pengarah Caritas Keuskupan Agung Kota Kinabalu mengumumkan penubuhan Caritas *Junior* bagi paroki Limbahau dan Papar. Caritas *Junior* ini dianggotai oleh kanak-kanak 12 tahun dan ke bawah.

Evaluasi keseluruhan sesi dilakukan pada hari terakhir perhimpunan.

Caritas Keuskupan Melaka Johor diumumkan sebagai tuan rumah Perhimpunan Caritas Malaysia kali kelima pada tahun hadapan.

Fr Andre Delimarta, seorang misionari Salesian yang mewakili ECMI Kuching, berkongsi, beliau dapat melihat struktur masyarakat Malaysia dan khususnya negeri Sabah yang sungguh unik dan menarik melalui program Malam Solidariti.

Anna Teresa pula berkata topik berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak membantunya untuk lebih memahami kepentingan mengetahui undang-undang perlindungan untuk golongan bawah umur.

Uskup Benard Paul, Presiden Caritas Malaysia memimpin perayaan Misa Kudus penutup. Dalam Misa ini, para peserta telah diberkati satu persatu dengan berkat pengutusan oleh para paderi yang hadir.

Perhimpunan Caritas Malaysia kali keempat diakhiri dengan mesyuarat para Pengarah dan Pembantu Eklesiastikal Caritas Keuskupan bersama dengan Presiden Caritas Malaysia.



## Hari Keluarga OLL pupuk perpaduan

KLANG: Gereja *Our Lady of Lourdes* (OLL) telah merayakan Hari Keluarga dengan tema "Datang Bersama sebagai Satu Keluarga, Satu Gereja". Perayaan ini dimulakan dengan Misa yang dikendalikan oleh Menteri *Junior Prayer*.

Fr Selva merupakan selebran utama dalam perayaan Ekaristi. Semasa Misa, keluarga yang datang dari pelbagai latar belakang etnik dengan memakai pakaian tradisional mereka telah mengambil bahagian dalam perarakan masuk.

Hari Keluarga dilancarkan secara rasmi oleh paderi paroki OLL, Fr. Gregory Chan dan penolongnya Fr Selva.

Objekif utama Hari Keluarga ialah untuk memupuk kesatuan dalam keluarga, membina hubungan yang kukuh dalam kalangan KED dan umat.

Acara yang dianjurkan oleh Pelayanan

Hidup Keluarga dengan kerjasama PPC, PCC dan BECCOT.

Komuniti Kerasulan Umat Berbahasa Malaysia telah memenangi pertandingan Perhiasan Gerai Terbaik..

Pengunjung juga dapat melakukan saringan kesihatan dan vaksinasi HPV percuma untuk umat berusia 13 tahun hingga 26 tahun.

Menarik sekali apabila Fr Greg dan Fr Selva membuka kiosk menjual buah-buahan.

Pengunjung juga dihiburkan dengan pelbagai persembahan oleh penghibur perseorangan dan juga berkumpul.

Selain itu, terdapat aktiviti lain termasuklah permainan, tele-perlawanan, tarik tali, lukisan muka dan gerai foto.

Perayaan ini diakhiri dan ditutup dengan Misa yang dipimpin oleh Fr Gregory.

## Uskup Bernard ajak umat jadi 'malaikat' kebaikan

KOTA TINGGI: Sempena perayaan sukacita ulang tahun ke-70 Gereja St Elizabeth pada November 16 lalu, Uskup Bernard Paul menyeru umat agar menjadi 'malaikat' kebaikan dan mengasahi musuh-musuhnya.

Ulang Tahun ke-70 paroki St Elizabeth diraikan dengan doa rosari, Misa Kudus dan majlis makan malam.

Uskup Bernard Paul merupakan selebran utama dalam Misa Kudus bersama paderi paroki Fr Martinian Lee.

Gereja itu penuh sesak dengan umat tempatan dan umat beriman dari Ulu Tiram, dari jauh dan dekat.

Dalam homilinya, Uskup Bernard berkata apakah isu yang terbaharu berlaku di seluruh dunia sekarang? Banjir teruk, peperangan di Ukraine dan Gaza; kemusnahan, kehilangan tempat tinggal dan malapetaka lain.

Semua ini merupakan masa yang penuh dengan tekanan. Tetapi Injil memberitahu kita bahawa Tuhan itu hadir. Tuhan mengutus malaikat-malaikat-Nya untuk melindungi umat-Nya. Tuhan juga mengutus malaikat dalam rupa manusia, seperti Sta Elizabeth dari Hungary, yang memberi makanan kepada kaum miskin dan melayani mereka.

Uskup Bernard juga mengajak umat untuk mengasahi musuh mereka dan "berdoa-



lah untuk mereka yang menganiaya anda. Mengasahi bukan sekadar kata-kata atau senyuman, tetapi kasihlah musuhmu agar kita dapat bersolidariti dengan yang menderita.

Pada hari ini, Tuhan mengutus kita untuk menjadi 'malaikat' kebaikan dan kasih. Tuhan mengutus kita, seperti St Elizabeth, untuk pergi ke dunia yang gelap, berbuat baik di jalanan dan di rumah kita, memberikan kasih sayang kepada anak-anak kita.

Jangan sibuk dengan perkara duniawi sehingga anda tidak mempunyai masa untuk Tuhan, Gereja atau membantu orang yang memerlukan. Jangan biarkan cinta dalam diri anda mati," kata Uskup Bernard.